

PLUS AMBIL TIGA PENDEKATAN STRATEGIK SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK MENGHADAPI PENINGKATAN TRAFIK MENJANGKAU 2.2 JUTA KENDERAAN SEMPENA MUSIM PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA

- Smart Lane diaktifkan di 25 Lokasi Sempena Musim Perayaan
- Dapatkan Jadual Perjalanan Digital MyPLUS-TTA di Aplikasi PLUS

Petaling Jaya, 22 Januari 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjangka peningkatan trafik sehingga 2.2 juta kenderaan sehari pada Hari-hari Puncak di rangkaian lebuh rayanya sempena musim perayaan Tahun Baharu Cina yang akan datang. Ini merupakan peningkatan hampir 20 peratus pada hari-hari biasa di rangkaian Lebuhraya PLUS. Jangkaan Hari-hari Puncak di Lebuhraya PLUS adalah pada 24 Januari, 25 Januari, 31 Januari dan 1 Februari 2025.

Menurut Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, "PLUS mengambil tiga pendekatan strategik sebagai persediaan menghadapi peningkatan trafik sempena perayaan Tahun Baharu Cina dengan memberi tumpuan khusus kepada pengurusan trafik dan insiden yang lebih efisien. Ini termasuk pengaktifan 25 lokasi Smart Lane dan mempertingkat kesiapsiagaan aset dan anggota pasukan tindakbalas kecemasan (ERT) untuk menguruskan insiden lebuh raya. Selain tu, berdasarkan data pola pergerakan trafik musim perayaan, PLUS juga menyediakan aplikasi MyPLUS-TTA untuk memudahkan pengguna lebuh raya merancang perjalanan mereka sekaligus membantu pengagihan trafik.

Di samping itu, PLUS juga telah menambahbaik kemudahan awam di lebih 50 lokasi sejak tahun 2023 dan menambah 50 tandas kabin bagi membantu orang ramai menikmati perjalanan yang lebih lancar, selamat dan selesa. Tambahan lagi, pengguna lebuh raya juga boleh menikmati diskaun 10% bagi setiap transaksi pembelian tanpa tunai bernilai RM 15 ke atas di kesemua kawasan rehat PLUS." jelas beliau pada sesi taklimat kepada media yang diadakan di Persada PLUS, hari ini.

Taklimat tersebut telah diadakan bersama-sama rakan strategik PLUS iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berkenaan persediaan PLUS menguruskan peningkatan jumlah kenderaan sempena musim perayaan Tahun Baharu Cina yang akan datang. Turut hadir adalah Supt. Khairul Azhar Ismail, Ketua Penolong Pengarah Penguinkuasaan, Jabatan Siasatan dan Penguinkuasaan Trafik (JSPT) Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Muhammad Kifli Ma Hassan, Pengarah Kanan Penguinkuasa, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia dan Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Ir. Zakaria Ahmad Zabidi.

Pengaktifan laluan Smart Lane di 25 lokasi kritikal di lebuh raya

Bagi menguruskan trafik yang efisien sempena musim perayaan akan datang, PLUS akan mengaktifkan laluan Smart Lane di 25 lokasi tumpuan trafik di lebuh raya bagi melancarkan pergerakan trafik di lokasi-lokasi kritikal di lebuh raya.

"Smart Lane boleh digunakan oleh kenderaan ringan, persendirian atau penumpang. Ketika Smart Lane diaktifkan, lorong kecemasan sedia ada akan dibuka sebagai laluan tambahan untuk mengoptimumkan kapasiti lorong di laluan kritikal lebuh raya. Pengguna lebuh raya boleh mengenal pasti laluan Smart Lane melalui paparan Lampu Hijau Berkelipl (Green

Flashing Light) dan papan tanda pemberitahuan yang dipasang untuk menunjukkan bahawa laluan Smart Lane diaktifkan dan boleh digunakan di lokasi-lokasi tertentu, jelas Datuk Ir. Zakaria Ahmad Zabidi.

PLUS juga menyarankan pengguna lebuh raya untuk mematuhi arahan semasa oleh petugas di lokasi dan memberi kerjasama sepenuhnya ketika Smart Lane diaktifkan. Walau bagaimanapun, pengguna lebuh raya dilarang sama sekali untuk memandu di lorong kecemasan di lokasi-lokasi lain, di mana tiada laluan Smart Lane diaktifkan. (**Sila rujuk Lampiran A untuk 25 lokasi laluan Smart Lane**)

Pemberhentian sementara kerja-kerja penyelenggaraan jalan

Selain itu, PLUS turut menghentikan sementara kerja-kerja penyelenggaraan jalan di lebuh rayanya bermula 23 Januari hingga 3 Februari 2025. Dalam tempoh ini, tiada penutupan lorong akan dijalankan kecuali ianya melibatkan kerja-kerja pembaikan kritikal, kecemasan dan pengalihan kemalangan untuk memastikan keselamatan pengguna lebuh raya.

“Sepanjang tempoh musim perayaan Tahun Baharu Cina akan datang, kerja-kerja projek pembinaan lorong tambahan Lebuhraya Utara-Selatan laluan Sedenak-Kulai, Johor akan diteruskan mengikut jadual perancangan semasa tempoh di atas. Kerja-kerja yang sedang dijalankan di lokasi ketika ini hanya merangkumi kerja-kerja tanah, pemotongan dan tambakan cerun, struktur perparitan dan pengalihan utiliti yang tidak akan melibatkan sebarang penutupan lorong di laluan utama lebuh raya,” jelas Datuk Nik Airina.

Beliau turut menyatakan PLUS akan memastikan semua aspek keselamatan dan kelancaran trafik di lokasi sentiasa dikawal rapi sepanjang pelaksanaan kerja-kerja di tapak pembinaan lorong tambahan laluan Sedenak-Kulai supaya ia tidak mengganggu kelancaran aliran trafik sedia ada. Sehubungan itu, PLUS memohon kerjasama pengguna lebuh raya untuk mematuhi arahan papan tanda dan petugas di lokasi semasa melalui kawasan terbabit.

Pengagihan Trafik melalui jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA

Sempena musim cuti perayaan Tahun Baharu Cina akan datang, orang ramai dinasihatkan untuk merancang perjalanan lebih awal bagi menikmati perjalanan yang lancar di lebuh raya.

Pengguna lebuh raya boleh mendapatkan jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA dengan memuat turun dan mengakses aplikasi PLUS untuk memilih waktu perjalanan yang paling optimum di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) bagi perjalanan di antara 24 Januari hingga 2 Februari 2025. MyPLUS-TTA merupakan pendekatan digital PLUS untuk membantu orang ramai merancang dan memilih perjalanan yang paling sesuai untuk musim-musim perayaan.

Berdasarkan data pola perjalanan musim perayaan Tahun Baharu Cina tahun lalu, pengguna lebuh raya dijangka mengalami peningkatan tempoh waktu perjalanan melebihi 40 peratus sekiranya memilih perjalanan di luar cadangan waktu perjalanan MyPLUS-TTA (bergantung kepada keadaan trafik semasa, insiden atau hal-hal luar jangka). Oleh itu, PLUS menyeru orang ramai supaya merancang dan menyusun jadual perjalanan mereka berdasarkan MyPLUS-TTA yang dicadangkan menerusi aplikasi PLUS, bukan sahaja bagi perjalanan keluar dari Lembah Klang untuk Balik Kampung tetapi juga bagi perjalanan kembali semula ke Lembah Klang selepas bercuti.

Kira-kira 4,500 keseluruhan petugas dalam ekosistem Lebuhraya PLUS dan LPT2

Pada musim perayaan ini, PLUS turut menyediakan kira-kira 4,500 petugas dalam ekosistem lebuh raya dan bersedia memberi bantuan untuk melancarkan perjalanan pengguna antaranya seperti berikut:

- 1) 1,437 kakitangan bagi membantu operasi di plaza tol.
- 2) 60 petugas di Pusat Pemantauan Trafik PLUS dan LPT2 bagi menyelaras bantuan sekiranya pengguna menghadapi kesulitan di lebuh raya.
- 3) 490 keseluruhan anggota rondaan PLUSRonda dan LPT2Ronda.
- 4) 2,123 kakitangan penyelenggaraan di R&R, hentian sebelah dan plaza tol.
- 5) 282 anggota RELA ditempatkan di R&R, hentian sebelah dan plaza tol terpilih.
- 6) Kira-kira 50 anggota Pasukan Bantuan Kecemasan (ERT) di lokasi-lokasi terpilih.

Menyediakan kemudahan tambahan untuk keselesaan pengguna

Sejak tahun 2023 hingga kini, PLUS telah menambah baik kemudahan tandas di 51 lokasi di R&R, hentian sebelah dan plaza tol sepanjang lebuh raya dan sedia untuk digunakan oleh pengguna lebuh raya menjelang cuti perayaan Tahun Baharu Cina yang akan datang.

Untuk memberi lebih keselesaan kepada pengguna lebuh raya, beberapa projek penambahbaikan kemudahan tandas awam sedang giat dijalankan di lokasi-lokasi sepanjang lebuh raya. Kerja-kerja tambah baik ini di 7 lokasi dijangka siap secara berperingkat pada suku pertama tahun ini, antaranya di Plaza Tol Pendang, R&R Gurun (Arah Utara), R&R Gunung Semanggol (Kedua-dua Arah), Hentian Sebelah Simpang Pulai (Arah Selatan), R&R Dengkil (Arah Utara) dan Restoran Jejantas Ayer Keroh (Kedua-dua Arah). Manakala, 2 lagi lokasi di Hentian Sebelah Sungai Buloh (Arah Selatan) dan Hentian Sebelah Tanjung Malim (Arah Utara) dijangka siap pada suku kedua tahun ini. Di lokasi-lokasi ini, PLUS akan menyediakan tandas sementara untuk kegunaan orang ramai. Selain itu, pengguna juga boleh menggunakan kemudahan awam di plaza-plaza tol di sepanjang Lebuhraya PLUS.

Selain itu, PLUS turut menyediakan 50 unit tandas kabin di hentian sebelah dan plaza tol terpilih pada musim perayaan ini. Kemudahan ini merupakan tambahan kepada tandas sedia ada yang disediakan di kawasan rehat dan hentian sebelah. PLUS juga memohon kerjasama orang ramai supaya dapat merancang perjalanan mereka dan menggunakan kemudahan awam lain seperti tandas dan surau yang turut disediakan di semua plaza tol sepanjang lebuh raya.

PLUS turut menasihatkan semua pengguna lebuh raya supaya menyelenggara dan memastikan kenderaan mereka berada dalam keadaan baik, bersedia secara fizikal dan mental untuk melakukan perjalanan jauh, memastikan baki kad Touch 'n Go dan e-Wallet mencukupi sebelum memulakan perjalanan dan lebih berhati-hati ketika memandu semasa musim hujan.

Pada masa yang sama, pengguna lebuh raya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, Pembantu Maya – PUTRI, X@plustrafik, papan tanda elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih atau menerusi saluran stesen-stesen radio utama negara. Orang ramai juga boleh menghubungi talian **PLUSLine di 1800-88-0000** dan **LPT2Line di 1800-88-0220** sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

PLUS juga menasihatkan pengguna lebuh raya supaya menggunakan aplikasi PLUS, aplikasi Waze atau *Google Maps* untuk merancang dan mendapatkan status trafik semasa dengan lebih baik pada musim perayaan kali ini.

PLUS mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua pengguna lebuh raya. Pandulah dengan berhati-hati, patuhi peraturan jalan raya dan semoga perjalanan anda selamat serta lancar ke destinasi yang dituju.

-TAMAT-



Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad

Pemangku Ketua
Komunikasi Korporat
PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 013-209 7092
Emel: mashitah@plus.com.my

Rofina Adam

Pengurus
Komunikasi Korporat
PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 012-657 4452
Emel: rofina@plus.com.my